

Tekad balik kampung tanpa kemalangan



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

MEMASUKI fasa terakhir bulan Ramadan tumpuan kini banyak kepada persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Dalam hal ini, antara isu utama yang sering menjadi perbualan hangat setiap kali menjelang musim perayaan besar seperti ini adalah kemalangan jalan raya yang secara tradisinya dilihat terus meningkat dan mengorbankan nyawa sejumlah besar pengguna jalan raya.

Akibatnya, sambutan Aidilfitri mahupun perayaan lain yang sewajarnya dirayakan dengan meriah bersama semua ahli keluarga bertukar menjadi mimpi ngeri buat segelintir rakyat kita yang meratapi pemergian dan kehilangan insan tersayang yang terkorban dalam kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan pulang ke kampung halaman.

Statistik kemalangan ketika musim perayaan yang diperoleh melalui operasi khas yang biasa dikenali Op Sikap mahupun Op Selamat selama ini jelas mengecewakan, malah tidak keterlaluan untuk dirumuskan kurang berjaya mencapai objektifnya.

Ini kerana bilangan kemalangan terutamanya kemalangan maut yang direkodkan terus meningkat dan seolah-olah jalan raya terus bermandikan darah. Realitinya perkara ini cukup membimbangkan kita semua.

Malah statistik keseluruhan kemalangan di negara ini juga cukup merisaukan. Misalnya, berdasarkan statistik yang dibentangkan oleh Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mahamad Akhir Darus tidak lama dahulu, daripada 6,193 kemalangan maut tahun lalu, sebanyak 1,713 kes atau 28 peratus adalah akibat terbabas sendiri diikuti 764 kes 'makan jalan' (14 peratus) dan 689 kes gagal memotong (11 peratus).

Lantas pihak polis merumuskan punca utama kemalangan maut sepanjang tahun lalu adalah disebabkan kecuaiannya manusia iaitu terbabas sendiri, 'makan jalan' dan gagal memotong. Pihak berkuasa juga merekodkan beberapa faktor lain seperti, pe-



BALIK kampung menjelang Aidilfitri yang mengakibatkan kesesakan jalan raya yang teruk memerlukan kesabaran pengguna agar tidak berlakunya sebarang kemalangan. - UTUSAN

manduan tidak cekap, salah pertimbangan, pandu dengan melebihi had laju, suka mencelah atau himpit kenderaan lain, memcut sesuka hati, tidak beri isyarat membelok, kurang tumpuan, tidak sedia memandu, tidak memeriksa kenderaan, kurang sabar dan tidak peduli keadaan jalan raya atau cuaca jadi faktor kemalangan maut.

Apa yang pasti kegagalan segala operasi khas yang dilaksanakan selama ini adalah kerana sikap pemandu itu sendiri dan bukannya berpunca daripada pihak berkuasa yang telah pun melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi.

Malah pihak kerajaan juga terus berusaha untuk melakukan yang terbaik bagi mengurangkan kadar kemalangan di mana baru-baru ini menubuhkan sebuah jabatan khas di Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengurangkan kadar kemalangan terutamanya kemalangan maut di negara ini.

Jabatan baru ini dikenali sebagai Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT). Jelas ini adalah satu lagi manifestasi kerajaan yang memandangkan serius peningkatan kadar kemalangan maut.

Hakikatnya walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan namun jelas sekali sikap pemandu kita terus menjadi punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan maut.

Ternyata pelbagai hasil kajian juga membuktikan sikap

pemandu sebagai antara punca utama kepada kemalangan maut yang berlaku di negara kita. Antaranya, sikap mementingkan diri, tidak pedulikan hak dan keselamatan pengguna jalan raya yang lain, tidak mematuhi undang-undang serta ego dilihat seringkali menyumbang kepada peningkatan statistik kemalangan jalan raya di negara kita.

Ironinya, kita masih tertanya-tanya di mana silapnya dan sampai bila perkara ini perlu berterusan? Kenapa seolah-olah kadar kemalangan dan kematian yang direkodkan ini langsung tidak boleh dikawal dan dikurangkan?

Walaupun rata-rata pihak terus menuding jari dan menyalahkan sikap pengguna jalan raya sebagai punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan namun sampai bila kita mahu terus berselindung dan berdiam diri di sebalik alasan yang cukup klise seperti ini?

Kita perlu akui bahawa sikap adalah aspek yang amat sukar untuk diubah dalam sekelip mata kerana sikap pada zahirnya sebatik dalam diri individu masing-masing. Sikap baran misalnya wujud sejak kita kecil lagi dan ia tidak boleh diubah dalam sekelip mata melalui kempen semata-mata.

Begitu juga sikap pemandu lain seperti tidak bertanggungjawab, mementingkan diri sendiri, memandu dengan melebihi had laju yang ditetapkan, berlagak seperti jaguh di atas jalan raya serta sikap tidak mahu mengalah dan berto-

lak ansur.

Buatlah kajian sebanyak mana sekalipun inilah jawapannya. Inilah hasil ataupun sikap yang dimiliki oleh majoriti pemandu kita yang terus menjadi duri dalam daging di atas jalan raya.

Justeru menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini penulis meminta kepada seluruh rakyat kita agar tingkatkan tahap kesedaran dan keselamatan ketika memandu. Ubahlah sikap supaya kita boleh menjadi pemandu yang berhemah, bertolak ansur dan menghormati orang lain ketika berada di atas jalan raya.

Ingatlah kata-kata keramat yang sering diungkapkan iaitu "seminit tidak membawa erti jika ia berakhir dengan tragedi". Dan hanya kita sendiri yang mampu mengubah sikap dan ego kita ketika memandu.

Raikanlah hari lebaran bersama ahli keluarga dengan air mata kegembiraan dan bukannya dengan tangisan pilu. Perubahan perlu bermula dengan setiap seorang daripada kita. Marilah pada tahun ini kita memasang tekad dan azam agar mendidik hati, perasaan dan nafsu kita ketika berada di atas jalan raya selaras dengan bulan Ramadan yang mulia ini supaya sama-sama dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan terutamanya kemalangan maut.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM).